## BAHAGIAN AQIDAH

| No Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| **TAJUK 11 : BERIMAN KEPADA AL-ASMAUL HUSNA<br>UNIT 1 : AL-ASMAUL HUSNA** | | | | |
| 1 | a | (i) | kesempurnaan | 1m |
| | | (ii) | namanya | 1m |
| | | (iii) | berdoa | 1m |
| | | (iv) | mengingati | 1m |
| | b | (i) | Abdul Rahman | 1m |
| | | (ii) | bertaqwa | 1m |
| | | (iii) | syurga | 1m |
| | | (iv) | berdoa | 1m |
| | c | (i) | Al-Wahid | 1m |
| | | (ii) | Al-’Alim | 1m |
| | | (iii) | Al-Hakim | 1m |
| | | (iv) | Ar-Rahman | 1m |
| | d | **Pendapat anda mengapakah kita perlu beriman kepada Al-Asmaul Husna:**<br><br>Memudahkan kita berdoa (1m) mengikut kesesuaian permintaan (1m)<br>Dapat mendekatkan diri (1m) kepada Allah.(1m)<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | e | **Dua kesan beriman dengan al-Asmaul Husna :**<br>- Menginsafi kelemahan diri<br>- Sentiasa mengharapkan pertolongan Allah SWT.<br>- Mempunyai cita-cita yang tinggi untuk mencapai kejayaan.<br>- Menjadi seorang yang gigih, tekun dan beramal soleh.<br>- Membudayakan sifat dan kesempurnaan Allah SWT dalam kehidupan | | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | f | Sentiasa berzikir dengan al-Asmaul Husna (1m) terutama setiap kali selepas solat. (1m) | | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| **UNIT 2 : AL-WAHID** | | | | |
| 1 | (a) | (i) | afa’alnya | 1m |
| | | (ii) | bersendirian | 1m |
| | | (iii) | menyerupai | 1m |
| | | (iv) | binasa | 1m |
| | (b) | **Dua kesan beriman dengan sifat al-Wahid dari aspek akidah:**<br><br>- Redha menerima ketentuan (1m) dari Allah SWT. (1m)<br>- Yakin (1m) dengan pembalasan syurga dan neraka. (1m)<br>- Bersih/ terhindar (1m) dari perbuatan syirik dan khurafat. (1m)<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (c) | **Dua kesan beriman dengan Allah bersifat al-Wahid terhadap ibadah:** | | 2 isi x 2m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | - Mengerjakan segala perintah Allah(1m) dengan ikhlas hati.(1m)<br>- Berkasih sayang sesama insan (1m) tanpa ada sebarang kepentingan. (1m)<br>- Melakukan sesuatau pekerjaan (1m) untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. (1m)<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | = 4m |
| | (d) | **Dua kesan beriman dengan Allah bersifat al-Wahid dari aspek akhlak :**<br><br>- Mendisiplinkan diri (1m) dalam kehidupan. (1m)<br>- Ikhlas dalam setiap pekerjaan(1m) kerana Allah. (1m)<br>- Menghormati (1m) ibu bapa , guru dan anggota masyarakat<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (e) | **Dua ciri amalan yang berlawanan dengan sifat al-Wahid :**<br>- Melakuan perkara syirik seperti menyembah berhala.<br>- Menjalankan undang-undang dan peraturan yang bercanggah dengan syariat Allah SWT<br>- Melakukan ibadah bukan kerana Allah SWT | 2 isi x 1m<br>= 2m |

## UNIT 3 : AR-RAHMAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | semua makhluk | 1m |
| | | (ii) | mudharat | 1m |
| | | (iii) | mutlak | 1m |
| | | (iv) | dunia | 1m |
| | (b) | | **Dua bukti Allah Maha Pemurah.**<br>- Minda yang cerdas (1m) untuk membezakan antara perkara yang baik dan yang buruk. (1m)<br>- Rezeki yang melimpah ruah (1m) untuk menjalani kehidupan dengan Sempurna. (1m)<br>- Al Quran dan Rasulullah SAW (1m) untuk menjamin kebahagiaan hidup. (1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (c) | | **Amalan-amalan yang berlawanan dengan sifat ar-Rahman.**<br>- Berputus asa (1m) daripada rahmat Allah. (1m)<br>- Bersifat bengis dan kejam (1m) terhadap makhluk Allah sama ada manusia atau binatang. (1m)<br>- Bakhil dan benci (1m) akan orang miskin. (1m)<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4m |

## UNIT 4 : AR-RAHIM

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | beriman | 1m |
| | | (ii) | ibadah | 1m |
| | | (iii) | bengis | 1m |
| | | (iv) | orang beriman | 1m |
| | (b) | | **Dua kesan beriman dengan Allah yang bersifat ar-Rahim:** | 2 isi x 2m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td colspan="2">- Bersyukur kepada Allah dengan nikmat yang dikurniakan.<br>- Menggunakan nikmat kurniaan Allah dengan sebaik-baiknya<br>- Melaksanakan dan mempertingkatkan ibadah kepada Allah.<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td colspan="2">Dua ciri tindakan yang bertentangan dengan konsep ar-Rahim :<br>- Bersifat bengis<br>- Pemarah<br>- Suka bergaduh.<br>- Mementingkan diri sendiri<br>- Tidak membantu orang lain.<br>- Tidak menghormati guru / ibu bapa / pemimpin.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td colspan="2">Contoh Jawapan<br><br>Sentiasa mematuhi undang-undang (1m) untuk mempertahankan negara supaya keamanan dan kemajuan sesebuah negara dapat dicapai (2m) disamping mewujudkan perpaduan serat mengelak dari berlaku perpecahan dan pergaduhan antara rakyat.(3m) Kesimpulannya kita sebagai umat Islam hendaklah saling sayang menyangai antara satu sama lain untuk menjadikan umat yang kuat dan disegani.(4m)<br><br>Catatan :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap ( contoh / sebab / kesan ) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(e)</td><td colspan="2">Menjaga hubungan baik sesama manusia (1m) akan melahirkan sebuah masyarakat yang saling hormat menghormati dan saling bekerjasama antara satu sama lain yang membolehkan kita menjalani kehidupan dengan selesa dan aman. Jesteru itu umat Islam hendaklah mengamalkan budaya saling menyayangi dalam kehidupan untuk mewujudkan perpaduan dan menghindari perpecahan.<br><br>Catatan :<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap ( contoh / sebab / kesan ) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m</td><td>4m</td></tr>
<tr><td colspan="5">UNIT 5 : AL-HAKIM</td></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Kebijaksanaan</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>menyakini</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>hikmah</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>keutamaan</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td colspan="2">Dua bukti Allah bersifat al-Hakim :<br>- Setiap manusia mempunyai cap jari tersendiri (1m) yang berbeza-beza (1m) .<br>- Daun-daun hijau (1m) yang menjalankan prosesfotosintesis (1m)<br>- Penciptaan laut dan sungai (1m) yang tidak bercantum / yang berlainan rasa.<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | |
| | (c) | **Dua amalan yang bercanggah dengan konsep al-Hakim.**<br>- Menyalahgunakan nikmat akal (1m) untuk melakukan kejahatan. (1m)<br>- Memandang rendah (1m) orang yang berilmu pengetahuan.(1m)<br>- Malas berfikir dan tidak berusaha membuat perubahan (1m) ke arah kebajikan dan kemajuan.(1m)<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (d) | **Dua kesan beriman kepada al Hakim :**<br>- Melahirkan manusia yang istiqamah dalam melakukan amal ibadah dan amal soleh.<br>- Sentiasa mensyukuri kesempurnaan kejadian diri sendiri.<br>- Dapat melahirkan keyakinan bahawa seluruh kejadian alam dan ciptaan Nya ada hikmahnya. | 2 isi x 1m = 2m |
| **UNIT 6 : AL-ALIM** | | | |
| 1 | (a) | (i) tersembunyi | 1m |
| | | (ii) ghaib | 1m |
| | | (iii) ilmu | 1m |
| | | (iv) berilmu | 1m |
| | (b) | **Dua faedah beriman dengan sifat al Alim :**<br>- Sentiasa berhati-hati dalam setiap perbuatan<br>- Menjauhkan diri daripada melakukan kejahatan<br>- Sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan untuk menambahkan ketaqwaan kepada Allah SWT.<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (c) | **Dua kesan beriman dengan Allah bersifat al-Alim:**<br>- Takut melakukan dosa (1m) walaupun tidak diketahui orang lain.(1m)<br>- Sentiasa melakukan kebaikan (1m) walaupun kecil (1m)<br>- Menjadi jujur (1m) kerana merasa diri diperhatikan oleh Allah (1m)<br>- Mendorong seseorang meningkatan ilmu pengetahuan (1m) untuk menjadi insan yang berjaya (1m)<br>- Terhindar dari sifat takbur dan riak (1m) dalam kehidupan seharian (1m)<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m = 4m |
| | (d) | **Dua amalan yang bercanggah dengan konsep al-Alim:**<br>- Bersikap takbur dan sombong apabila memiliki ilmu.<br>- Belajar sambil lewa<br>- Tidak jujur dalam melakukan kebaikan | 2 isi x 1m = 2m |
| | (e) | **Contoh Jawapan**<br><br>Ilmu memberi banyak manfaat kepada manusia (1m) kerana ianya adalah fardhu ain yang wajib dituntut oleh umat Islam (2m). Melalui ilmu, dapat meningkatkan darjat dan kedudukan seseorang dan mengetahui apa yang | 4m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | mereka tidak tahu.(3m) Kesimpulannya, kita hendaklah merealisasikan peribahasa melayu " ikut resmi padi, semakin berisi menunduk" (4m)<br><br>**Catatan :**<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap ( contoh / sebab / kesan ) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | |
| **UNIT 7 : AL-ADLU** | | | |
| 1 | (a) | (i) menggunakan | 1m |
| | | (ii) pertolongan | 1m |
| | | (iii) anugerah | 1m |
| | | (iv) kejayaan | 1m |
| | (b) | **Dua bukti Allah bersifat al-Adlu.**<br>- Allah menjadikan manusia sempurna (1m) dengan tubuh badan dan akal fikiran.(1m)<br>- Mengutuskan rasul kepada semua kaum (1m) untuk menegakkan keadilan di dunia.(1m)<br>- Keadilan sosial yang lahir daripada keadilan hukum Allah SWT yang dilaksanakan.<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima | 2 isi x 2m = 4m |
| | (c) | **Dua ciri orang yang yang bersifat adil.**<br>- Menggunakan nikmat seperti akal dan penglihatan dengan cara yang terbaik.<br>- Menunaikan hak diri sendiri dengan menyusun jadual belajar, riadah dan ibadah.<br>- Tenang membuat keputusan dengan menyiasat dan mendengar alasan. | 2 isi x 1m = 2m |
| | (d) | **Pendapat anda apakah yang akan berlaku sekiranya ahli masyarakat melaksanakan sifat adil dalam setiap urusan.**<br>- Dihormati dan disegani (1m) oleh orang lain.(1m)<br>- Masyarakat hidup dalam perpaduan dan keharmonian.<br>- Wujud pakar yang berdaya saing dalam pelbagai bidang. | 1 isi x 2m = 2m |
| | (e) | **Jelaskan usaha anda untuk berlaku adil.**<br>- Tingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT<br>- Menanamkan keyakinan setiap perlakuan manusia akan dihitung<br>- dan dibalas oleh Allah SWT | 2 isi x 2m = 4m |
| **TAJUK 12 : KESAN BERIMAN DENGAN ALLAH SWT.** | | | |
| 1 | (a) | (i) di hati | 1m |
| | | (ii) perintah | 1m |
| | | (iii) penampilan | 1m |
| | | (iv) tiga | 1m |
| | (b) | (i) Tauhid Uluhiyyah | 1m |
| | | (ii) Tauhid Rububiyyah | 1m |
| | | (iii) Tauhid | 1m |
| | | (iv) Tauhid Al-Asma’ Was-Sifat | 1m |
| | (c) | (i) pemilik | 1m |
| | | (ii) digeruni | 1m |
| | | (iii) ikhlas | 1m |
| | | (iv) memiliki | 1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (d) | **Dua kesan keimanan kepada tauhid rububiyyah, Uluhiyyah dan Asma' Was Sifat terhadap individu.**<br>- Beramal untuk mencapai kebahagiaan di dunia (1m)dan kesejahteraan di akhirat. (1m)<br>- Mengajak kepada kebaikan (1m) dan mencegah kemungkaran.(1m)<br>- Sentiasa memuji Allah (1m) untuk mendapat keberkatan dalam kehidupan.(1m)<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima | | 2 isi x 2m = 4m |
| | (e) | **Dua kesan keimanan kepada tauhid rububiyyah, Uluhiyyah dan Asma' Was Sifat terhadap masyarakat.**<br>- Menjaga adab-adab berkomunikasi (1m) dengan menjauhi perkara yang boleh mengeruhkan suasana seperti mengumpat,memfitnah dan sebagainya.(1m)<br>- Berfikiran positif (1m) terhadap masa depan ummat. (1m)<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima | | 2 isi x 2m = 4m |
| **TAJUK 13 : BERIMAN KEPADA MALAIKAT**<br>**UNIT 1 : KEUNIKAN MALAIKAT** | | | | |
| 1 | (a) | (i) | berakal | 1m |
| | | (ii) | ketaatan | 1m |
| | | (iii) | makhluk | 1m |
| | | (iv) | mengawasi | 1m |
| | (b) | (i) | iman | 1m |
| | | (ii) | membantu | 1m |
| | | (iii) | taat | 1m |
| | | (iv) | cahaya | 1m |
| | (c) | **Dua ciri keistimewaan Malaikat:**<br>- Mempunyai sayap<br>- Di cipta daripada cahaya<br>- Boleh menjelma pelbagai rupa | | 2 isi x 1m = 2m |
| | (d) | **Akibat seseorang yang tidak beriman kepada malaikat:**<br>Iman akan rosak kerana mengingkari kewujudan malaikat. | | 1 isi x 2m = 2m |
| | (f) | **Hujah anda untuk menyokong pernyataan :**<br>Akan melaksanakan manusia ikhlas dalam melakukan ibadah<br>Akan mendorong manusia melakukan amar makruf dan nahi mungkar tidak kira di mana sahaja berada | | 1 isi x 2m = 2m |
| **UNIT 2 : TUGAS-TUGAS MALAIKAT** | | | | |
| 1 | (a) | (i) | yakin | 1m |
| | | (ii) | diperintahkan | 1m |
| | | (iii) | tugas-tugas | 1m |
| | | (iv) | malaikat-malaikat | 1m |
| | (b) | (i) | Jibril | 1m |
| | | (ii) | Izrail | 1m |
| | | (iii) | Raqib | 1m |
| | | (iv) | Atid | 1m |
| | (c) | (i) | Malik | 1m |
| | | (ii) | Israfil | 1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Munkar | 1m |
| | | (iv) | Ridwan | 1m |
| | (d) | **Dua tugas umum malaikat:**<br>- Mendoakan orang mukmin yang beribadah<br>- Menyampaikan berita gembira kepada orang mukmin | | [2 markah] |
| | (e) | **Bukti-bukti yang menyokong pernyataan tersebut:**<br>Malaikat sentiasa melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Allah (1m) dengan penuh ketaatan dan dedikasi (2m) tanpa mengharapkan balasan pahala (3m). Kesimpulannya, kita hendaklah mengetahui tugas-tugas yang dilakukan oleh malaikat supaya kita dapat mempertingkatkan keyakinan kita tentang kewujudan para Malaikat.(4m)<br><br>**Catatan :**<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap ( contoh / sebab / kesan ) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | | 4m |
| **UNIT 3 : KESAN BERIMAN KEPADA MALAIKAT** | | | | |
| 1 | (a) | (i) | Perkataan | 1m |
| | | (ii) | Perbuatan | 1m |
| | | (iii) | Hati | 1m |
| | | (iv) | Pemikiran | 1m |
| | (b) | **Dua kesan beriman kepada malaikat dari aspek hati:**<br>- Ikhlas kepada Allah dalam melakukan ibadah<br>- Berani dan teguh hati dalam melakukan ketaatan<br>- Jiwa sentiasa tenang dan tiada keluh kesah<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima | | 2 isi x 2m = 4m |
| | (c) | **Dua kesan beriman kepada malaikat dari aspek perkataan:**<br>- Mengucapkan perkataan yang baik kepada orang lain.<br>- Sering mendoakan kesejahteraan orang lain.<br>- Berzikir, bertasbih dan beristighfar kepada Allah.<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima | | 2 isi x 2m = 4m |
| | (d) | **Dua kesan beriman kepada malaikat dari aspek perbuatan :**<br>- Berdisiplin dalam menunaikan tanggungjawab.<br>- Rajin dan sabar dalam melakukan sesuatu pekerjaan seperti menuntut ilmu sama ada fardu ain dan fardu kifayah.<br><br>Catatan :<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m<br>2. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima | | 2 isi x 2m = 4m |
| | (e) | Seseorang yang beriman kepada malaikat akan sentiasa rajin dan sabar (1m) dalam melakukan sesuatu usaha semata-mata untuk mendapat keredaan Alalh SWT.(2m) Dia akan berusaha dengan gigih untuk mendapat kesempurnaan dan kemulian hidup. (3m) Kesimpulannya, kita hendaklah istiqamah dalam beribadah khususnya menuntut ilmu untuk mencapai kebahagian dan kejayaan | | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | di dunia dan di akhirat. (4m)<br><br>**Catatan :**<br>- 1 isi sahaja = 1m<br>- Isi + huraian ringkas = 2m<br>- Isi + huraian lengkap ( contoh / sebab / kesan ) = 3m<br>- Isi + huraian lengkap + kesimpulan = 4m | | |
| **TAJUK 14 : BERIMAN DENGAN KITAB-KITAB SUCI** | | | | |
| 1 | (a) | (i) | Rasul | 1m |
| | | (ii) | kekal | 1m |
| | | (iii) | kandungan | 1m |
| | | (iv) | surah | 1m |
| | (b) | (i) | suhuf | 1m |
| | | (ii) | suci | 1m |
| | | (iii) | beriktikad | 1m |
| | | (iv) | merangkumi | 1m |
| | (c) | (i) | Al-Quran | 1m |
| | | (ii) | Taurat | 1m |
| | | (iii) | Zabur | 1m |
| | | (iv) | Injil | 1m |
| | (d) | **Dua cara Allah menyampaikan wahyu kepada para Rasul :**<br>- Allah memberitahu terus para rasul dengan ilham tersembunyi (1m) tanpa sebarang perantaraan.(1m)<br>- Disebalik hijjab (1m) dengan cara mendengar kalam Allah SWT tetapi tidak dapat melihat zatNya. (1m)<br>- Melalui perantaraan malaikat seperti Jibrail (1m) yang diutuskan kepada Nabi Muhammad saw dan nabi-nabi sebelumya.(1m)<br><br>**Catatan :**<br>1. Isi = 1m dan huraian = 1m | | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (e) | **Dua isi kandungan al-Quran :**<br>- Bidang aqidah, contohnya beriman kepada Allah swt.<br>- Bidang akhlak contohnya berbuat baik kepada ibu bapa<br>- Bidang muamalat contohnya jual beli | | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (f) | **Dua faedah mentaati ajaran al-Quran :**<br>- Mendapat ketenteraman jiwa<br>- Mendapat rahmat dan keredaan Allah SWT<br>- Menjamin keamanan dan kesejahteraan manusia sejagat. | | 2 isi x 2m<br>= 4m |